

102

NO. SOALAN : 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 15 MAC 2018 (KHAMIS)**

**TUAN TONY PUA KIAM WEE** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada FELDA dan/atau FELCRA telah membuat pelaburan dengan atau melalui Syarikat Lady Law Securities Pte Ltd. Jika ada, apakah nilai, jenis dan rasional pelaburan ini

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA dan FELCRA tidak terlibat dalam membuat pelaburan dengan atau melalui Syarikat Lady Law Securities Pte Ltd.

Sekian. Terima kasih.

103

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN  
BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 15.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 48**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat manakah proses tender Loji Rawatan Air Ke-2 telah dapat dilaksanakan. Bilakah tarikh terkini projek tersebut dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan isu bekalan air bersih di daerah Pitas berada dalam keadaan kritikal.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Ke-2 Pitas, Sabah dijangka dapat ditender pada penghujung bulan April 2018. Status terkini pelaksanaan adalah di dalam proses memuktamadkan dokumen tender. Tempoh pelaksanaan bagi projek ini adalah 15 bulan.